

Sekolah kluster dicadang ambil jurulatih asing

Oleh RAJA LUVENA SHARIFUDDIN

u.m m/s 6 21.3.07

KUALA LUMPUR 20 Mac - Kementerian Pelajaran akan memperhalusi cadangan Bengkel Autonomi Sekolah Kluster kementerian itu yang antara lain mahu jurulatih luar negara diambil melatih pelajar sekolah kluster yang berbakat dalam acara sukan.

Timbalan Menteri Pelajaran, Datuk Noh Omar berkata, pengkhususan dalam bidang sukan yang berbeza juga boleh diadakan di sekolah-sekolah kluster dengan diberikan peruntukan bagi peralatan sukan.

"Selain itu, kita akan bincangkan pemberian markah bagi tahap disiplin seseorang dan pemupukan budaya menghormati harta benda orang lain di sekolah berasrama penuh.

"Kalau buat dari bawah, dalam masa 20 tahun akan datang ia akan menjadi budaya dan melahirkan pelajar dengan nilai-nilai budi yang tinggi," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada sesi penutup bengkel tersebut yang menghimpunkan 293 wakil pengetua sekolah, guru besar, Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG), alumni sekolah dan guru-guru sekolah menengah serta rendah di sini hari ini.

Bengkel itu yang julung-julung kali diadakan bertujuan membincangkan pelaksanaan kewujudan sekolah kluster iaitu sekolah cemerlang dalam aspek pengurusan dan prestasi para pelajarnya.

Sekolah-sekolah tersebut akan merealisasikan Teras Strategik Kenam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan bagi melonjakkan kecemerlangan sekolah, membangun sekolah yang boleh dicontohi dan men-

jadi contoh di persada antarabangsa.

Sejurus selepas ucapan Noh itu, resolusi bengkel dibentangkan dengan pencapaian kata sepakat terhadap lima perkara iaitu:

- Pelaksanaan sekolah kluster yang sempurna mampu melonjakkan kecemerlangan sekolah ke tahap antarabangsa, namun dikhuatiri akan wujud perbezaan antara sekolah kluster dengan bukan kluster.

- Pelaksanaan dan pengurusan sekolah kluster membawa anjakan pengurusan sekolah kerajaan dan sekolah bantuan modal ke arah ber-cirikan pengurusan sekolah berkesan.

- Pemberian autonomi kepada sekolah kluster boleh meningkatkan kuasa dan tanggungjawab kepimpinan sekolah untuk mengurangkan ciri-ciri pendidikan berpusat.

- Dasar dan peruntukan undang-undang sedia ada perlu dikaji untuk disesuaikan dengan pemberian autonomi kepada sekolah kluster.

- Penjenamaan sekolah kluster perlu mencerminkan kecemerlangan murid, guru dan institusi.

Resolusi itu turut menampilkan kriteria-kriteria sekolah kluster dalam aspek kurikulum, kokurikulum, pengurusan sekolah dan kemenjadian murid.

Resolusi tersebut bersetuju bahawa pengupayaan perlu diberi kepada sekolah untuk membangun dan melaksanakan kurikulumnya, selain yang berteraskan pusat.

Menurut resolusi itu lagi, penawaran mata pelajaran seperti bahasa antarabangsa perlu dimulakan dari sekolah rendah berdasarkan kepada keperluan dan menawarkan peperiksaan mata pelajaran di peringkat

antarabangsa.

Selain itu, pentaksiran berbentuk modular dan kumulatif perlu diperkenalkan, manakala pengukuran serta penilaian pembelajaran murid dipelbagaikan.

Dalam aspek kokurikulum, resolusi tersebut bersetuju agar aktiviti itu diluaskan dengan memasukkan unsur aktiviti tambahan, pengukuhan dan pengubahsuaian program sedia ada bagi melonjakkan kecemerlangannya.

Resolusi mencadangkan, pencapaian kokurikulum murid yang telah mencapai tahap tertentu diberikan pengiktirafan sijil yang diiktiraf badan berwibawa di dalam dan luar negara.

Resolusi menyatakan, kerjasama antara sekolah kluster dengan agensi luar perlu diwujudkan dalam program kokurikulum, khususnya dari segi jurulatih dan bantuan dana.

Kerjasama

Resolusi turut menyentuh aspek pengurusan sekolah, kemampuan perlu disertai tanggungjawab sekolah dan penguatkuasaan mekanisme kawalan kualiti dalaman dan luaran..

Pengurusan kewangan dan penajaan dana sekolah perlu diperkemas untuk pembangunan sekolah, manakala peningkatan tumpuan guru kepada pendidikan pelajar menerusi penyediaan nisbah guru di kelas pada kadar 1:20.

Bengkel tersebut turut menekankan kepentingan mewujudkan jawatan khusus bagi melaksanakan tugas bukan mengajar untuk membolehkan guru menumpu kepada tugas teras, iaitu pengajaran dan pembelajaran.